

03/03/2002

Tarikan terbaru ke Langkawi

Wan Jailani Razak

EKSPRESI ceria pada wajah setiap pengunjung ke Oriental Village di Teluk Burau, kira-kira 35 kilometer dari pekan Kuah, Langkawi, sudah cukup menggambarkan perasaan puas dan kagum mereka dengan keindahan dan keunikan kompleks beli-belah bebas cukai itu.

Pujian wajar diberikan kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) menerusi anak syarikatnya, Lada Eco-Tourism Sdn Bhd (Eco-Tourism) yang berusaha membangunkan satu lagi daya tarikan baru pelancong ke pulau itu yang kini dikenali sebagai bandar raya pelancongan.

Letaknya di kaki Gunung Machinchang dan di kelilingi kehijauan alam semula jadi, Oriental Village bukan kompleks beli-belah yang biasa kita kenali, dilengkapi lif dan kawasan siar kaki berhawa dingin, sebaliknya ia adalah deretan bangunan premis dengan reka bentuk unik berciri ketimuran yang mencerminkan kehidupan masyarakat Asian.

Pengarah Urusan Lada Eco-Tourism, Yazid Jais, berkata pengunjung ke kompleks beli-belah itu boleh bersantai sambil memilih pelbagai barangan berjenama yang berkualiti tinggi diimport dari seluruh dunia termasuk kosmetik, pakaian, coklat, minyak wangi dan peralatan kamera.

Beliau berkata, pengunjung juga boleh menjamu selera di mana-mana empat restoran dengan ciri seni bina etnik masing-masing yang menyajikan masakan ala-Melayu di Restoran Seri Melayu, Thai (Krathong Thai Restaurant), Cina (Fook Look Restaurant) dan Japanese Restaurant.

"Oriental Village menyediakan cara berbeza untuk membeli-belah berbanding pusat beli-belah lain kerana kita mewujudkan suasana selesa sebagai daya tarikan untuk pelancong 'meronda' dari satu premis ke satu premis lain.

"Kami tidak menghampakan mereka yang kepenatan selepas membeli-belah kerana pelayan di empat restoran berbeza sedia melayani selera makan mereka," katanya ketika ditemui di Langkawi, baru-baru ini.

Pengunjung yang belum puas berbelanja di Oriental Village berikutan kesuntukan masa boleh bermalam di Oriental Village Inn yang menawarkan 30 bilik dengan reka bentuk dalaman yang menyamakan dan kemudahan ala hotel.

Kadar sewa promosi untuk bilik biasa ialah RM100 semalam (RM120 dengan sarapan untuk dua orang) manakala suite bersama balkoni RM160 (RM180 dengan sarapan). Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi talian 04-9594191.

Projek pembinaan Oriental Village yang menjadi perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hampir setiap kali lawatan beliau ke Langkawi, mengambil masa hampir dua tahun untuk disiapkan atas tapak 14.6 hektar dengan kos keseluruhan RM40 juta.

Sebaik melangkah memasuki pekarangannya, pengunjung dapat melihat deretan bangunan premis berwarna coklat kekuningan dengan kolam yang dihiasi pelbagai jenis tanaman dan hidupan ikan koi di tengahnya.

Setiap premis memiliki tema tersendiri dengan corak hiasan dalaman yang kemas dan kreatif. Paling menarik perhatian ialah tema pengembaraan lasak premis Camel yang mempamerkan sebuah Land Rover dibelah dua.

Diwarnakan mengikut jaluran hitam putih kuda belang, bahagian hadapan jip itu diletakkan rapat ke dinding tempat untuk memperagakan pakaian manakala sebahagian lagi dijadikan kaunter.

Biar apa pun, masa depan Oriental Village pasti lebih terjamin sebaik pembinaan projek kereta kabel yang menganjur dari puncak Gunung Machinchang setinggi 700 meter ke stesen landai bersebelahannya, siap pada

akhir Mac atau awal April ini.

(END)